

Kawalan gula: Arahan Dr. M

Bahan asal dari Afrika
Negara Malaysia

Ketatkan lagi tindakan ceгах penyeludupan di sempadan Thai

Oleh JAMALUDDIN BAKAR

SHAH ALAM, Khamis — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan kawalan di sempadan Malaysia-Thai diketatkan untuk menghalang penyeludupan gula ke luar negeri.

Bellau berkata, Kerajaan juga sedia mengeluarkan lesen import gula kepada mereka yang boleh menjualnya dengan harga murah.

Bellau menegaskan: "Kerajaan memandang serius masalah kekurangan gula sekarang dan sedang mengkaji langkah mengatasinya."

"Kerajaan sedang menibangkan berbagai langkah termasuk kemungkinan menggunakan sistem kupon atau mengimportnya," katanya selepas merasmikan seminar

"Cabaran Industri Hotel, Restoran dan Pelancongan 80 Institut Teknologi MARA di sini.

Seminar itu dianjurkan Persatuan Hotel dan Restoran (MAHAR) dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC), ITM dan Pusat Pengeluaran Negara (NPC).

Datuk Seri Dr. Mahathir menerangkan, kekurangan gula nampaknya berlaku di kawasan utara dan tidak di sebelah selatan.

Berdasarkan fakta ini, katanya, besar kemungkinan gula diseludup ke Thailand memandangkan harganya di negara jiran itu kira-kira 50 sen lebih tinggi (sekali) dari negara ini.

Berjuta \$ subsidi

Lagi pun, katanya, mutu gula di negara kita lebih baik dari di negeri Thai.

"Dengan demikian, jika gula negara ini diseludup ke luar negeri, sudah tentu harganya akan bertambah tinggi," katanya. Kekurangan gula dilaporkan serius di negeri-negeri sempadan seperti Kedah, Perlis, Perak dan Kelantan.

Mengenal cadangan mengimport gula, bellau berkata, Kerajaan bersedia mengeluarkan lesen import jika pengimport dapat menjualnya di paras harga 75 sen seperti sekarang.

Tetapi, katanya, memandangkan harga pasaran antarabangsa sekarang semakin tinggi sukarlah untuk mengekalkan harga itu.

Pelancongan

"Jika kita hendak mengimport gula dari luar negeri sekarang, maka setiap 12,000 tan Kerajaan terpaksa memberi subsidi \$11 juta," jelas bellau.

Sebelum itu, semasa merasmikan seminar tersebut, Datuk Seri Dr. Mahathir mengesyorkan supaya diperbanyak lagi sumber-sumber pasaran pelancongan tempatan untuk mengukuhkan industri pelancongan negara ini.

Berdasarkan perangkaan, katanya, pada 1977 kira-kira \$250 juta telah dibelanjakan oleh pelancong tempatan.

Bellau menegaskan, memandangkan perlunya tempat-tempat pelancongan menarik seperti di negara-negara maju, usaha lebih gigit hendaklah dibual dalam tahun 80-an untuk memajukan pelancongan tempatan bagi membantu pelancongan antarabangsa.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga mencadangkan tenaga-tenaga mahir digantikan untuk membantu perusahaan ini.

Katanya, sektor pelancongan di negara ini masih kekurangan tenaga mahir.

Kerjasama rapat antara sektor swasta dan awam penting untuk mewujudkan tenaga mahir yang mencukupi dalam bidang ini.

Bellau yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, mencadangkan penguasaan pelancongan bekerjasama dengan negara-negara Asean dalam usaha mengadakan perkhidmatan yang lebih sesuai untuk pelancong-pelancong dari luar Asean.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberi jaminan Kerajaan akan memastikan dasar-dasar dan rancangan yang disediakan akan menggalakkan pertumbuhan industri pelancongan.